BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam 30 minit

UJIAN DIAGNOSTIK 3

2022

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **tiga** *bahagian:* **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C**.
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan bagi* **Soalan 8** *berdasarkan teks novel* **Tingkatan 4** *dan* **Tingkatan 5.**
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 *markah*]

Jawab semua soalan

Soalan 1 - Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata nama terbitan**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap* **kata nama terbitan** *tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

[*8 markah*]

Udang ialah sumber Omega-3 yang kaya dengan protein namun kurang kandungan lemak dan kalori. Udang harimau atau nama saintifiknya *Penaeus monodon* merupakan spesies udang yang semakin banyak diternak di Malaysia. Udang harimau memerlukan sumber air payau masin sebagai habitatnya. Untuk mendapatkan hasil ternakan udang yang menepati kehendak pelanggan, penternak perlu memastikan makanan yang mencukupi diberikan kepada udang. Antara nutrien yang diperlukan oleh udang ialah magnesium sulfat dan kalsium klorida.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Mengintai Habitat Udang Harimau'
Oleh Zahid bin Ithnain,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Soalan 2 - Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukar **ayat aktif** *yang bergaris di bawah kepada* **ayat pasif** *tanpa mengubah maksud asalnya.*

Bakelite ialah plastik pertama di dunia yang diperbuat sepenuhnya daripada bahan kimia. <u>Leo Hendrik Baekeland mencipta *bakelite* dengan menggunakan tindak balas kondensasi</u>. Plastik mengambil masa yang panjang untuk terurai sepenuhnya. <u>Rakyat Malaysia menggunakan sembilan bilion plastik setahun</u>. Malaysia kini berada pada kedudukan lapan negara teratas di dunia kerana tidak menguruskan sisa plastik dengan betul. <u>Plastik banyak menyebabkan ikan paus ditemui mati di laut-laut besar di dunia</u>. Pada tahun 2013, seekor ikan paus mati di pantai Granada kerana tertelan sejumlah besar plastik seberat 17 kilogram. Isu plastik telah merencatkan sistem rantaian makanan di lautan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Plastik dan Mikroplastik Musnahkan Alam Sekitar'
oleh Abu Zahrem Yaser dan Nur Aqeela Syuhadah,
Dewan Kosmik, Bil.5/2019.

[6 *markah*]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 3: Penyuntingan

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. *Senarai dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Bahasa memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan masyarakat dan tidak boleh dipandang sambalewa. Bahasa yang mudah difahami serta boleh masyarakat tuturkan seperti bahasa Melayu mampu menjadi bahasa perpaduan negara. Hal ini dapat dilihat kerana negara mencapai kemerdekaan sehingga kini. Pembangunan dan kemajuan yang sempurna dalam kehidupan masyarakat semuanya bermula dari penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Oleh yang demikian, peranan bahasa yang paling penting sekali adalah dalam mengerat perpaduan kaum. Bahasa yang baik akan menjadi bahasa penghantar, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan kepada sesebuah negara seperti Malaysia. Peranan masyarakat ialah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu sudah lama bertindak dengan peranannya dalam menyatu padukan pelbagai kaum di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
Bahasa dan Budaya Mengeratkan Perpaduan Masyarakat
Oleh Aminudin Mansor, Dewan Bahasa dan Pustaka (2022)

[*11 markah*]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan tadi. Maka sembah Seri Nara pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

Maka titah baginda, “Baiklah.”

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’ muka surat 33
Antologi Sejadah Rindu, Kementerian Pendidikan Malaysia

[*6 markah*]

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 5 – Peribahasa

Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. **Senaraikan dua peribahasa** *sahaja, kemudian* **berikan peribahasa lain yang sama maksud** *atau* **hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.**

Siew Lan : Wah bersih sungguh tempat ini! Dahulu tidak begini.

Zikri : Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang. Kini kesedaran tentang penjagaan kebersihan di tempat awam semakin meningkat.

Dewi : Minggu lepas, saya dan Siew Lan ke tempat perkelahan yang berhampiran dengan rumah saya. Keadaannya agak mendukacitakan.

Zikri : Betulkah begitu, Siew Lan?

Siew Lan : Betul, Zikri. Peribahasa ada mengatakan, tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata.

Zikri : Aduhai, sungguh tak sangka! Janganlah kita menjadi seperti kera mendapat bunga.

Dewi : Ya, kesedaran tentang penjagaan tempat awam perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu menjadi contoh kerana bapa borek, anak rintik.

Dipetik dan diubah suai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Dewan Bahasa dan Pustaka

[4 markah]

Bahagian B - Pemahaman
[*35 markah*]

Soalan 6 - Petikan Umum

Baca **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Pada tahun 2020, dunia telah mengalami gelombang krisis pandemik yang telah mengubah kehidupan seluruh masyarakat. Hasil kajian sepasukan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), didapati bahawa 80.5 peratus rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai isu COVID-19, walaupun terdapat sedikit kekeliruan informasi mengenai virus itu yang boleh merebak melalui udara ini. Pengetahuan masyarakat tentang bahaya wabak ini dapat membantu mengurangkan kes jangkitan. Dalam proses menerapkan norma baharu dalam mengatasi wabak ini juga, orang ramai disarankan *mematuhi panduan* 3C dan 3W kerana *Kita Jaga Kita*. Antara langkah yang boleh diambil adalah mengelakkan diri mengunjungi tempat yang penuh sesak (*crowded place*), tempat yang terhad (*confined space*) dan mengelakkan mengadakan perbualan jarak dekat (*close conversation*). Selain itu, masyarakat perlu mengamalkan amalan membasuh tangan (*wash*), memakai pelitup separuh muka (*wear)* dan mematuhi amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan *(warn*).

Sumber : Dipetik dan diubah suai dari artikel internet bertajuk
"Pengetahuan, Sikap dan Amalan rakyat Malaysia terhadap COVID-19"

Bahan 2

Sumber : Portal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

[Lihat halaman sebelah]

(i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud frasa *mematuhi panduan*.

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **bahan 1 dan bahan 2,** apakah persamaan dan perbezaan langkah pencegahan yang boleh diamalkan untuk mengelakkan diri dijangkiti penyakit berjangkit?

[3 *markah*]

(iii) Langkah-langkah membendung menularan wabak COVID-19 memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang giat oleh pihak kerajaan. Pada pendapat anda, mengapakah penguatkuasaan undang-undang tersebut perlu dilakukan?

[3 *markah*]

(iv) Kempen Gaya Hidup Sihat yang dilancarkan oleh pihak kerajaan gagal mencapai matlamatnya kerana kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja.

Sekiranya anda pemimpin negara, apakah perkara-perkara yang akan anda lakukan untuk memastikan kempen tersebut berjaya mencapai matlamatnya?

[4 *markah*]

Soalan 7 - Soalan Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Akmal beruntung. Kerana tak hidup dalam zaman penjajah seperti tok," ujarnya lagi. "Walaupun saya lahir sebagai generasi merdeka namun saya dapat bayangkan betapa peritnya hidup yang dialami rakyat pada waktu itu," ulasku pula sebaliknya.

"Memang benar, Akmal! Angguk datuk dengan pantas. "Rakyat ditindas. Tenaga dikerah. Segala kekayaan hasil bumi mereka kaut. Kemiskinan dan penderitaan hidup berleluasa. Cubalah Akmal bayangkan. Kalau Akmal hidup pada waktu itu," sambungnya lagi.

"Nikmat kemerdekaan yang ada sekarang perlu dipertahankan," kataku. "Janganlah hendaknya negara kita dijajah semula. Sebab itulah pentingnya dalam diri kita mempunyai semangat cinta dan rasa kesetiaan terhadap negara!" ucap datuk dengan penuh bersemangat sekali.

"Dalam pada itu, jangan sesekali kita lupa akan jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu. Membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah," tambahku pula.

Dipetik dan diubah suai daripada Cerpen "Pesan Datuk Padaku"
oleh Azaiza SR

Bahan 2

Tatkala bom pertama meledak, diikuti oleh rentetan dentuman meriam serta serangan kapal terbang, seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentap pergi dan terlucut begitu saja daripada genggaman. Sebaik-baik saja perang pecah pada tahun 1941 dan Jepun masuk, keadaan jadi berkecamuk. Suasana kehidupan kampung dipegap ketakutan. Namun kami bersyukur atas dua perkara. Pertama, kampung kami terpencil, maka jarang-jaranglah dihendap oleh Jepun. Garisan perang pula tidak melintang di atas tanah kami, maka itu, tiada sorang pun antara kami yang pernah diratah atau dirobek peluru. Kedua, kami bersyukur kerana kacau-bilau zaman Jepun menyedarkan kami betapa hinanya hidup terjajah.

Seminggu sebelum Jepun tiba, Tuan Booth sudah berundur. Kami nampak keretanya menyusur pergi merentasi jalan kampung. Isterinya ***sugul sekali***. Anak perempuannya yang berusia sekitar sepuluh tahun itu merengkuh di tingkap kereta sambil tersenyum hambar.

Dipetik daripada Cerpen Cinta Ahmad Mutawakkil
Antologi Sejadah Rindu, DBP

[Lihat halaman sebelah]

(i) Berdasarkan **Bahan 2** berikan maksud ***sugul sekali.***

[2 *markah*]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1 dan Bahan 2** nyatakan kesan-kesan peperangan kepada masyarakat.

[4 *markah*]

(iii) Keamanan dan kemerdekaan merupakan sesuatu nikmat sangat penting dalam kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama untuk mengekalkannya.

Pada pendapat anda, apakah peranan anggota masyarakat dalam memastikan keamanan negara akan terpelihara?

[3 *markah*]

(iv) Generasi kini semakin melupakan jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang terdahulu membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah.

Sebagai pelajar yang prihatin, cadangkan tindakan yang dapat diambil oleh pihak sekolah untuk memastikan masalah ini tidak berterusan.

[4 *markah*]

Soalan 8 - Novel

Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bagi Mak Milah itu bukanlah kali pertama melihat suaminya bercakap mengenai Kesultanan Melayu Melaka yang pernah menjadi kebanggaan orang Melayu itu. Sudah banyak kali diperkatakannya. Suaminya bagaikan sengaja mengulang-ngulang cerita itu supaya tidak luput daripada ingatannya. Bukan di rumah sahaja dia bercerita, malah apabila ada kesempatan, dia selalu menceritakannya kepada penduduk kampung itu terutama anak-anak muda.

Menurut Pak Saidi, punca keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka adalah kerana orang Melayu tidak lagi bersatu. Para pemimpin pula berebut kuasa. Fitnah dan adu domba berleluasa. Pahlawan Hang Tuah difitnah. Bendahara Tun Mutahir dihukum bunuh dan akhirnya Sultan Mahmud hilang takhta dan menjadi pelarian.

Dipetik daripada Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa,
Karya Abdul Latip bin Talip, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(i) Nyatakan punca-punca keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka pada masa dahulu.

[4 *markah*]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
(f) Tirani, karya Beb Sabariah
(g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
(h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan **dua peristiwa** yang menyedihkan hati pembaca.

[6 *markah*]

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian C : Rumusan

[30 markah]

Soalan 9

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1

Masalah pencemaran sampah sudah lama wujud di negara ini. Hasil kajian mendapati bahawa setiap rakyat Malaysia membuang dua kilogram sampah sehari. Keadaan ini berlaku kerana sikap kebanyakan rakyat Malaysia yang suka membeli makanan mengikut nafsu, bukan mengikut keperluan. Sehubungan dengan hal itu, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan berlakunya longgokan sampah ini.

Salah satu daripada sebabnya ialah orang ramai gagal menguruskan sampah mereka dan tidak melupuskannya mengikut cara yang betul. Hal ini menyebabkan berlakunya longgokan sampah. Masyarakat juga gemar menggunakan pinggan mangkuk dan bungkusan pakai buang seperti polisterina dan beg plastik. Keadaan ini turut menjadi penyumbang kepada longgokan sampah. Impaknya, situasi ini sudah pasti mengancam alam sekitar. Lebih malang lagi, amalan kitar semula di negara kita kurang mendapat sambutan.

Punca yang seterusnya ialah kurangnya pendidikan tentang alam sekitar. Hal ini menyebabkan masih ramai yang belum faham dan tahu tentang betapa pentingnya alam sekitar kepada kehidupan kita. Mereka juga tidak tahu akan akibat atau kesan pembuangan sambah yang tidak betul. Keadaan ini akan mengganggu kesihatan manusia dan kehidupan flora dan fauna.

Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu segera beralih kepada penggunaan bahan mesra alam bagi mengurangkan longgokan sampah. Pada masa yang sama, kerajaan sewajarnya menyediakan kawasan pelupusan sampah yang berteknologi tinggi. Dengan adanya pengurusan sampah yang betul pasti isu tentang longgokan sampah ini dapat diatasi.

Diubah suai daripada
"Longgokan Sampah Masalah yang Tiada Noktah"
Oleh Amlir Ayat, Dewan Masyarakat, November 2011

Bahan 2

(Pengurangan)
Mengurangkan sampah dan mengelakkan pembaziran



(Guna semula)
Guna semula barang yang boleh digunakan lagi

(Kitar semula)
Asingkan barang yang boleh dikitar semula

Bahan 3

Menjejaskan imej negara

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT